

RT26/213

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kewajaran pelaksanaan sistem i-Think serta jumlah kos yang terbabit.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program i-THINK dilaksanakan bertujuan untuk mempertingkat dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif dengan menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras untuk mencapai hasrat aspirasi murid dalam Kemahiran Berfikir seperti mana yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Program ini melibatkan kos yang diluluskan oleh Kerajaan selaras dengan pelaksanaan PPPM 2013-2025.

Sistem atau Aplikasi Kursus i-THINK Dalam Talian (KiDT) telah dibangunkan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan kerjasama KPM.

Objektif KiDT dibangunkan adalah atas pertimbangan berikut:

1. Kursus bersemuka untuk guru setiap sekolah menggunakan kaedah latihan Model Cascade di mana guru yang dilatih secara bersemuka dan akan menjalankan latihan dalaman di peringkat sekolah.
2. KiDT juga dapat mengelakkan daripada guru meninggalkan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah untuk menghadiri kursus bersemuka selaras dengan polisi KPM iaitu Memelihara Masa Instruksional (MMI) guru dan pensyarah.
3. Latihan secara dalam talian (*online*) membolehkan guru mengikuti kursus dengan lebih fleksibel secara kendiri pada bila-bila masa dan ketika (*anytime anywhere*).